

KONVENSYEN CUEPACS YANG KE-20

DI DEWAN LEE SAN CHOON WISMA MCA, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR,
9 JANUARI 1996

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada CUEPACS kerana menjemput saya untuk merasmikan Konvensyennya yang ke-20 pada hari ini.

2. Saya berharap konvensyen ini akan membincangkan isu-isu penting yang dapat membawa ahli-ahli serta kesatuan-kesatuan sekerja gabungan CUEPACS ke arah yang lebih berjaya. Adalah juga diharapkan rumusan-rumusan daripada konvensyen ini akan dapat memanfaatkan bukan sahaja ahli-ahli CUEPACS bahkan juga seluruh anggota perkhidmatan awam dan negara amnya.

3. Malaysia sudah diiktiraf sebagai salah sebuah negara membangun yang termaju. Ekonominya tumbuh lebih daripada lapan peratus setahun berturut-turut lapan tahun. Kita mungkin bosan mendengar perkara ini disebut berulang kali. Ini mungkin kerana kita memang mudah kurang menghargai sesuatu nikmat yang sering kita perolehi. Hanya apabila nikmat ini hilang baharulah kita tahu menghargainya. Demikian jugalah dengan orang yang sihat. Hanya apabila dia jatuh sakit baharulah dia fahami dan hargai nikmat dan hikmat kesihatan. Malangnya pada ketika itu mungkin dia tidak dapat dipulihkan lagi. Demikian jugalah dengan kesihatan ekonomi negara.

4. Sebab itu kita tidak harus berasa bosan dengan sebutan pencapaian ekonomi kita. Tidak ada seorang pun daripada rakyat Malaysia, daripada yang termiskin hingga yang terkaya, yang tidak mendapat sesuatu daripada pertumbuhan ekonomi yang tinggi ini. Tentu ada yang berpendapat bahawa apa makna pertumbuhan ekonomi lapan peratus dan apa makna pendapatan per kapita RM8,500. Mereka berkata mereka tidak mendapat RM8,500 setahun, seolah-olah mereka tidak faham akan makna purata. Tetapi pergilah ke negara yang pendapatan per kapita hanya RM1,000 atau RM2,000 dengan inflasi antara 10 hingga 20 peratus dan lihatlah keadaan pekerja yang membuat kerja seperti kita. Dan pergilah pula ke negara seperti Singapura yang pendapatan per kapita adalah RM50,000 dan bandingkan taraf hidup mereka dengan taraf hidup kita.

5. Jika kebaikan pertumbuhan ekonomi tidak memberi nikmat yang banyak kepada kita, kenapakah begitu ramai orang asing bermati-matian untuk menyeludup masuk ke negara ini?

6. Tujuan saya menyebut perkara ini bukanlah untuk mendabik dada atau mengecam mereka yang seolah-olah tidak bersyukur dengan nasib baik kita. Tujuan saya ialah untuk menjelaskan sedikit akan sebahagian yang tidak kecil daripada pendekatan-pendekatan yang telah membawa kejayaan kepada kita.

7. Negara ini telah dapat mengejar negara-negara NIC atau "Newly Industrialising Countries" yang lain kerana kita sanggup mengambil pendekatan yang radikal bagi mengatasi beberapa kelemahan dan masalah yang kita hadapi dalam pengurusan ekonomi negara.

8. Apakah yang radikal yang telah kita terimapai? Yang pertamanya sementara kerjasama rapat antara Kerajaan dan swasta di Jepun dikecam hebat oleh Barat sebagai sesuatu yang tidak baik, kita di sini dengan sengaja dan secara terbuka mengambil konsep Persyarikatan Malaysia atau "Malaysia Incorporated" sebagai dasar dan pendekatan kita. Kita sengaja menggalakkan kerjasama rapat antara swasta dan Kerajaan untuk menjayakan negara.

9. Di zaman yang masih ramai percayai bahawa pemilikan perniagaan dan perusahaan oleh Kerajaan adalah jalan yang baik untuk kesejahteraan rakyat, di zaman mana ideologi Komunis dan Sosialis dan konsep "Welfare State" masih diangung dan diamalkan di Barat, kita telah memilih untuk menswastakan syarikat-syarikat dan jabatan-jabatan Kerajaan. Walaupun hari ini penswastakan bukan dianggap radikal lagi dan semua negara termasuk bekas negara-negara Komunis sedang sibuk menswastakan berbagai-bagai kegiatan Kerajaan, tetapi di waktu kita mula menswastakan aktiviti Kerajaan, ia adalah satu pendekatan baru yang tidak pernah diamalkan oleh Malaysia dan di kebanyakan negara di dunia, sama ada maju atau tidak.

10. Banyak lagi dasar dan pendekatan Malaysia boleh dianggap radikal, termasuklah "affirmative action" seperti penyusunan semula masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru, penghapusan cukai ke atas barangan mewah dan menghalang peniaga daripada menaikkan harga sesuka hati. Jika pertumbuhan ekonomi Malaysia dijadikan bukti dan ukuran, tindakan-tindakan yang radikal ini tidak menghalang tetapi sebaliknya jelas menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

11. Di zaman purba, mereka yang terkuat akan "survive". Kita tidak perlu percaya kepada seluruh teori Darwin, tetapi pemerhatiannya tentang "survival of the fittest" memang ada asasnya. Dengan perkataan lain "Might is Right" atau yang kuat adalah benar. Jika ada saingan apa-apa, kekuatan menentukan siapa yang menang dan benar.

12. Manusia bertamadun menolak penentuan siapa yang benar mengikut siapa yang kuat. Manusia bertamadun mencipta undang-undang yang berkuatkuasa ke atas semua, kuat dan lemah, miskin dan kaya, atas dan bawah secara sama rata. Bukan kekuatan atau kekayaan atau kekananan yang menentukan siapa benar dan siapa salah, tetapi melalui perbicaraan oleh juruhukum yang bebas

atau "independent judiciary" yang menentukan siapa benar atau tidak benar.

13. Di zaman moden ini mustahil kita akan menyuruh dua orang yang bertelagah menyelesaikan masalah mereka dengan bertinju atau berlawan pedang atau menggunakan pistol untuk mendapatkan penyelesaian. Kita tahu bahawa cara ini adalah tidak adil.

14. Tetapi dalam soal perhubungan antara majikan dan pekerja cara penyelesaian pada suatu masa dahulu ialah melalui ujian siapa yang lebih sanggup menghadapi kerosakan kepada dirinya. Inilah asas penyelesaian melalui mogok dan "lock-out".

15. Mungkin pada suatu masa dahulu tidak ada jalan lain untuk menyelesaikan tuntutan pekerja melainkan dengan cara ugutan atau tindakan merosakkan perniagaan dan harta majikan, melalui mogok atau punca pendapatan pekerja melalui "lock-out". Pada zaman itu hak pekerja tidak diakui oleh masyarakat.

16. Tetapi hari ini tamadun kita mengiktiraf dan menerima hak pekerja dan pentingnya mereka dilayan dengan adil. Apakah kita masih memerlukan ujian kekuatan atau ketahanan untuk menyelesaikan masalah antara majikan dan pekerja? Tidakkah cara ini agak primitif?

17. Jika kita perhatikan pencapaian negara-negara Barat yang percaya akan ujian kekuatan dan kesanggupan menerima kebinasaan kepada diri sebagai cara penyelesaian masalah, kita akan dapati akhirnya semua pihak rugi, baik pekerja, baik majikan, bahkan masyarakat umum sendiri. Ekonomi mereka semua merosot dan di Eropah pengangguran adalah sebanyak lebih 10 peratus di sesetengah negara. Pendapatan pekerja memang tinggi tetapi kos sara hidup juga tinggi. Kehidupan mereka tidak lebih bahagia bahkan ada yang begitu miskin sehingga terpaksa tidur di tepi jalan dan atas bangku di taman.

18. Oleh kerana negara Barat mempunyai sistem saraan bagi penganggur, pekerja tidak begitu takut kehilangan kerja. Kerajaan akan memberi bantuan kepada yang hilang punca pendapatan. Yang anehnya semasa ekonomi baik dan pengangguran kurang, semasa itulah Kerajaan mempunyai banyak wang untuk menolong yang miskin. Tetapi semasa ekonomi merosot dan penganggur ramai, pendapatan Kerajaan daripada cukai berkurangan dan memberi "unemployment benefit" kepada yang menganggur menjadi beban yang berat. Pemulihan ekonomi negara sukar dijayakan.

19. Kita bernasib baik kerana di Malaysia cara yang primitif untuk menyelesaikan masalah antara majikan dan pekerja tidak kerap digunakan. Sebaliknya kebanyakan daripada masalah-masalah ini diselesaikan secara rundingan atau "arbitration"

tanpa mogok. Dengan ini industri kita tidak rosak kerana mogok dan peningkatan kos pengeluaran. Keamanan industri kita juga membantu menarik pelabur asing, menambah peluang kerja sehingga bilangan pekerja kita kurang daripada peluang kerja yang diwujudkan dan dengan itu dengan sendirinya upah bagi pekerja bertambah.

20. Memandangkan kepada keadaan di Malaysia apakah tidak perlu kita memikirkan semula akan kegunaan ugutan dan mogok untuk menyelesaikan masalah? Hakikatnya ialah kerana ada kemungkinan tindakan mogok atau "lock-out" oleh pihak-pihak yang berunding, maka rundingan menjadi tegang dan keputusan yang bijak sukar dicapai.

21. Masanya sudah tiba untuk kita memikir akan cara yang lebih bertamadun untuk menyelesaikan sebarang pertikaian antara majikan dengan pekerja. Cara yang dimaksudkan ialah penghakiman oleh pihak ketiga atau "arbitration". Jika rundingan tidak dapat diselesaikan maka masalah hendaklah dirujuk kepada pihak ketiga, dengan peruntukan untuk rayuan kepada badan yang lebih tinggi jika mana-mana pihak tidak puas hati dengan pengadilan yang dibuat di peringkat pertama.

22. Inilah sepatutnya cara kita menyelesaikan pertikaian antara mana-mana pihak atau pencabulan undang-undang oleh mana-mana pihak. Tanpa sistem kehakiman yang terdapat di negara kita tentulah negara akan mengalami huru-hara.

23. Jika masalah perhubungan atau tuntutan oleh pekerja dapat diselesaikan melalui penghakiman, maka kerugian daripada tindakan mogok atau ugutan untuk mogok tidak akan berlaku. Dengan itu walaupun hakim memutuskan untuk merestui kenaikan upah yang dituntut, kos mogok tidaklah akan ditambah kepada kos keluaran khidmat atau barangan. Malaysia juga akan terus dapat bersaing dengan negara-negara lain dalam pemasaran apa juga barangan. Sudah tentu Malaysia akan terus maju dan membawa banyak nikmat kepada kita semua.

24. Ide ini memang radikal. Anggota Kesatuan Sekerja tentu sukar menerimanya. Mungkin ada pihak yang menganggap ada udang di sebalik batu. Tetapi janganlah kita tutup hati kita sama sekali. Timbangkanlah ia juga.

25. Kerajaan ini tidak ada niat buruk terhadap pekerja. Apa yang telah kita lakukan semuanya menguntungkan pekerja. Penswastaan begitu menguntungkan pekerja sehingga ada Kesatuan Sekerja yang mendesak supaya agensi mereka diswastakan segera. Demikianlah juga dengan dasar-dasar dan pendekatan-pendekatan lain yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia sejak merdeka.

26. Justeru itu, tolonglah terima cadangan Kerajaan. Apabila kita tetapkan bahawa pelarasan gaji hendaklah tidak melebihi RM2 billion, sebabnya ialah kerana jumlah itu besar. Lagi pun itu sahajalah yang kita mampu.

27. Sebenarnya lebih pendapatan Kerajaan daripada belanja tahun 1995 ialah RM3.5 billion. Daripada jumlah ini RM1 billion diberi sebagai bonus sebulan untuk tahun 1995 dan RM2 billion untuk "backpay" kerana pelarasan dibuat dari 1 Januari 1995. Jumlah semua ialah RM3 billion iaitu 86 peratus daripada jumlah lebih cukai yang dipungut oleh Kerajaan daripada syarikat-syarikat dan orang yang berpendapatan tinggi. Orang yang berpendapatan rendah hampir semua tidak membayar cukai termasuklah kakitangan Kerajaan. Pegawai-pegawai tinggi Kerajaan mendapat gaji tinggi tetapi terpaksa membayar cukai pendapatan yang tidak kecil. Anggapan bahawa Pegawai Tinggi Kerajaan tidak berhak mendapat pelarasan gaji dan bonus adalah sesuatu yang tidak adil kerana mereka menyumbang kepada jumlah wang untuk membayar gaji dan bonus. Jika kita tidak mengambilkira tanggungjawab dan beban kerja mereka yang lebih berat tanpa dibayar "overtime" bagi kerja lebih masa, ianya adalah tidak adil.

28. Wang Kerajaan bukan semata-mata untuk membayar gaji kakitangannya sahaja. Kita juga dikehendaki membiayai keperluan rakyat, termasuk yang termiskin. Dengan wang sebanyak RM3 billion kita boleh membina 600 buah sekolah atau 7,500 buah klinik desa atau dua ribu kilometer jalan kampung. Kita boleh hapuskan kemiskinan sama sekali. Dan banyak lagi yang boleh dibuat untuk rakyat dengan wang sebanyak RM3 billion.

29. Tetapi kita pilih untuk menambah gaji kakitangan Kerajaan yang hanya merupakan empat peratus daripada jumlah rakyat. Justeru itu, janganlah terlalu keras menekan Kerajaan dan mengenakan syarat. Kerajaan ini bertimbang rasa. Kita bukan syarikat yang keuntungan yang diselamatkan akan dinikmati oleh majikan dan pemegang saham. Lebih yang diselamatkan oleh Kerajaan adalah untuk rakyat dan negara dan dinikmati bersama oleh kakitangan Kerajaan juga. Pihak yang mengurus Kerajaan tidak mendapat apa-apa daripada wang yang diselamatkan selain daripada kemungkinan kenaikan gaji jika ada. Dan Kerajaan ini jarang memberi tambahan gaji kepada anggota Kerajaan walau banyak mana pun wang Kerajaan yang diselamatkan.

30. Saya tidak tujukan apa yang saya katakan ini kepada seluruh CUEPACS kerana majoriti mereka adalah orang yang sederhana. Tetapi ada satu dua orang yang begitu keras yang tidak mahu mengiktiraf keadilan pihak Kerajaan.

31. Saya harap Konvensyen CUEPACS ini tidak menjadi forum untuk mendesak, untuk menumpu hanya kepada persepsi ketidakadilan kepada kakitangan Kerajaan dan kepada kebebasan pekerja. Tumpukanlah sama kepada banyak nikmat yang dirasakan di negara ini. Bahaskanlah juga konsep berkonfrantasi dan ugutan yang menjadi asas kepada "labour rights" yang dicipta oleh Barat. Ingatlah bahawa pemikir Baratlah yang mencipta ideologi Komunis dan Sosialis yang hari ini mereka kutuk dan mereka gugurkan. Apakah tidak mungkin konsep berkesatuan sekerja hanya untuk membuat tuntutan melalui ugutan juga merupakan falsafah yang sama salah dengan Komunisme dan Sosialisme?

32. Malaysia adalah negara kita. Pendapat bahawa orang asing, terutama bekas penjajah, lebih prihatin terhadap pekerja kita adalah tidak munasabah. Kitalah yang patut prihatin dan bertanggungjawab terhadap nasib kita. Percayalah Kerajaan ini mengutamakan negara ini dan rakyatnya, termasuklah kakitangan Kerajaan yang semuanya rakyat Malaysia. Kita tidak akan menganiayakan rakyat kita sendiri kerana kita juga adalah sebahagian daripada rakyat.

33. Dengan harapan saudara-saudari akan merenungkan sedikit apa yang telah saya sarankan, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen CUEPACS yang ke-20 ini.